

16 MAR 1999

Singapura-Pengarang

KEKUATAN POLITIK MAHATHIR TERBUKTI OLEH PILIHAN RAYA SABAH

SINGAPURA, 16 Mac (Bernama) -- Kemenangan Barisan Nasional (BN) yang meyakinkan pada pilihan raya negeri Sabah telah membuktikan kekuatan politik Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menurut akhbar harian terkemuka Singapura, Straits Times.

"Perdana Menteri Mahathir Mohamad telah membuktikan sekali lagi keupayaan beliau untuk menukar keadaan yang sukar kepada satu kelebihan yang mengejutkan.

"Mereka yang tertanya-tanya sama ada pilihan raya Sabah akan menandakan bermulanya kegerhanaan politik beliau, telah sekali lagi mendapati bahawa pengaruh politik beliau tidak boleh diketepikan dengan mudah," menurut akhbar itu dalam lidah pengarangnya.

BN memenangi 31 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan, melebihi ramalannya sendiri sebanyak 28 kerusi.

Keputusan itu telah menolak ramalan banyak pemerhati dan menunjukkan "kekuatan gabungan itu pada masa keadaan di Malaysia menjadi rumit dengan isu-isu ekonomi dan politik," katanya.

Akhbar itu menyatakan bahawa kemenangan itu akan memperkukuhkan lagi kedudukan Dr Mahathir yang telah "berkempen tanpa mengenal penat" bagi pilihan raya itu yang telah memberi peluang kepada BN untuk menguji corak pilihan raya selepas pemecatan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun masih belum dapat dipastikan sama ada BN boleh menjadikan kejayaan pada pilihan raya Sabah itu kepada kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang, tetapi "yang pastinya ia menjadi satu permulaan yang baik."

"Walaupun Barisan bergembira dengan kemenangan itu, hakikatnya ialah sukar untuk membuat penentuan berdasarkan keputusan itu terhadap peringkat kebangsaan," kata akhbar itu.

Pilihan raya umum akan datang di Malaysia dijadualkan sebelum April tahun depan.

-- BERNAMA

TCL RHM